



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

Mengenai

PENGLIBATAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO) DALAM PENGAGIHAN BANTUAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menghargai keprihatinan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu menyalurkan sumbangan kepada golongan memerlukan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Bagi melancarkan proses pengurusan sumbangan, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan satu garis panduan (SOP) bagi membolehkan NGO terlibat dalam aktiviti penyaluran kepada kumpulan sasar.

Ini akan memastikan aktiviti penyaluran yang dilaksanakan mematuhi arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. SOP itu adalah seperti berikut;

- i) NGO terlibat mestilah berorientasikan kebajikan
- ii) NGO terlibat perlu menghubungi Bilik Gerakan JKM Negeri sehari sebelum aktiviti penyaluran sumbangan
- iii) Barangan kering dan bermasak sahaja dibenarkan untuk disalurkan
- iv) Anggota NGO terlibat mesti memakai topeng muka dan sarung tangan serta membawa hand sanitizer ketika aktiviti pengagihan sumbangan
- v) Anggota NGO terlibat perlu diperiksa suhu badan, yang bergejala tidak dibenarkan terlibat
- vi) Menjaga jarak sosial, dan

vii) Terhad hanya dua anggota NGO, yang perlu disertai anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan RELA.

KPWKM amat menghargai hasrat NGO untuk sama-sama berganding bahu dalam memastikan penyaluran sumbangan kepada rakyat dapat dilakukan secara lebih efektif.

NGO yang berminat boleh menghubungi talian Bilik Gerakan Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri yang beroperasi 24 jam seperti di **Lampiran**.

Sekian, terima kasih.

DATUK SERI RINA MOHD HARUN

MENTERI

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PUTRAJAYA

1 APRIL 2020


LAMPIRAN**NO. TELEFON BILIK GERAKAN
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

BIL	PEJABAT	NO.TELEFON
1	Ibu Pejabat Putrajaya	03-83231996
2	JKMN Perlis	04-9731926
3	JKMN Kedah	04-7001700
4	JKMN Pulau Pinang	04-6505257/046505259
5	JKMN Perak	05-2545505
6	JKMN Selangor	03-55458570
7	JKMN W.P. Kuala Lumpur	03-26124060
8	JKMN Negeri Sembilan	06-7659332
9	JKMN Melaka	06-2324670
10	JKMN Johor	07-2281450
11	JKMN Pahang	09-5650226
12	JKMN Terengganu	09-6301193
13	JKMN Kelantan	09-7416925
14	JKMN Sarawak	082-449577
15	JKMN Sabah	088-242229
16	JKMN W.P.Labuan	087-424961



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KAEDAH PENYALURAN SUMBANGAN NGO



COVID-19



NGO yang berhasrat menyumbang adalah berorientasi kebajikan


NGO perlu mendaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) atau Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang berdekatan sehari sebelum aktiviti penyaluran bantuan hendak dilaksanakan

Hanya barangan kering dan bermasak sahaja dibenar untuk disalurkan



NGO haruslah mematuhi Arahan MKN dan Akta 342 iaitu:

- i. memeriksa suhu badan;
- ii. memakai topeng muka;
- iii. lengkap bersarung tangan;
- iv. membawa hand sanitizer;
- v. menjaga jarak sosial (*social distancing*) iaitu 1 meter antara individu; dan
- vi. terhad kepada 2 orang sahaja daripada NGO berkaitan.



Pegawai RELA dan APM atau agensi yang berkaitan akan mengiringi NGO bagi tujuan tersebut dan diselaras oleh JKM

Sila rujuk www.jkm.gov.my untuk mendapatkan maklumat lanjut dan senarai JKMN dan PKMD berdekatan

NGO

“KAMI HARGAI KEPRIHATINAN ANDA”